

## **PENGGUNAAN MODUL PEMURNIAN AKIDAH DALAM MENGENDALIKAN KES-KES PERMOHONAN KELUAR ISLAM DI PULAU PINANG**

Zanariah Dimon, Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan, Hamidi Abd. Ghani, Nordin Mat Piah, Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria

Pensyarah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Yahya Petra, Kelantan (KIAS)

*Corresponding Author* : zanariah@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

*Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang 2012 digubal bagi memenuhi kehendak peruntukan seksyen 61 (3)(b) (x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 dan keputusan Majlis Fatwa Pulau Pinang pada 30 Mei 2012 untuk membantu pihak berkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada individu yang berhasrat keluar agama Islam atau murtad. Modul ini juga bertujuan mengukuhkan semula pegangan dan asas-asas agama Islam mereka secara sistematik dan terancang. Oleh itu, tujuan kertas kerja ini adalah untuk menjelaskan penggunaan Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang dalam mengendalikan kes-kes permohonan keluar Islam di Pulau Pinang. Kajian ini dijalankan secara kualitatif dan data diperolehi melalui temubual separa struktur serta analisis dokumen iaitu merujuk kepada Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang sebagai sokongan kepada dapatan temubual. Hasil kajian mendapati Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang 2012 dilaksanakan sebanyak 12 sesi dan mengandungi 12 modul antaranya adalah salam perkenalan, salam kasih sayang, kenapa saya perlu kekal dalam Islam, saya dan keluarga, saya dan masyarakat, nilai dan pegangan hidup, kebebasan beragama dan lain-lain. Kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran mengenai penggunaan modul tersebut dalam menangani gejala murtad dan menjelaskan isu-isu yang berkaitan sepanjang perlaksanaannya di Pulau Pinang.*

**Kata kunci:** pemulihan akidah, pemurnian akidah, kesalahan murtad, istitabah, murtad

### **1. Pendahuluan**

Permohonan keluar agama Islam adalah melibatkan prosedur permohonan individu yang berhasrat keluar Islam, menukar status daripada muslim kepada bukan Islam, atau dengan kata lain murtad menurut bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia. Walau bagaimanapun, sebelum pengesahan murtad, individu tersebut dikehendaki menjalani proses pemulihan akidah sama ada dalam bentuk runding cara secara sukarela atau penahanan di pusat pemulihan akidah bagi tujuan bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam. Di Pulau Pinang, proses pemulihan akidah dilaksanakan terhadap pemohon keluar Islam atau percubaan murtad menggunakan

pendekatan pemurnian akidah melalui Modul Pemurnian Akidah (Menangani Gejala Murtad) 2012 yang dijalankan di Pusat Dakwah Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) atau lebih dikenali sebagai Darul Hidayah. Modul ini digunakan sebagai salah satu cara memurnikan akidah pemohon untuk kembali kepada Islam atau bertaubat. Sekiranya proses tersebut gagal, maka pemohon akan diputuskan oleh Mahkamah Syariah sebagai murtad mengikut peruntukan undang-undang. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai proses pemulihan akidah yang dilaksanakan di Darul Hidayah, Pulau Pinang menggunakan Modul Pemurnian Akidah bagi kes-kes permohonan keluar Islam dan keberkesannya.

## 2. Undang-undang Berhubung Kesalahan Murtad di Malaysia

Murtad adalah kesalahan berat menurut Islam. Ia adalah perbuatan yang dilaknat dan merupakan salah satu daripada kesalahan hudud menurut undang-undang jenayah syariah. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada peruntukan undang-undang yang seragam dan selaras bagaimana menangani isu keluar agama Islam atau murtad di Malaysia (Norashikin M. Nasir & Siti Zubaidah Ismail, 2016). Menurut undang-undang Islam negeri-negeri di Malaysia, sekurang-kurangnya terdapat tiga bentuk peruntukan yang berkaitan dengan keluar agama Islam menurut undang-undang Islam di Malaysia.

Pertama, memohon keluar Islam adalah menjadi kesalahan dan boleh didakwa di Mahkamah Syariah bagi pelbagai kesalahan seperti percubaan murtad, menghina agama, murtad bagi mengelakkan tindakan pihak berkuasa agama atau melakukan perbuatan atau perkataan murtad yang boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau disebat sehingga enam sebatan atau campuran mana-mana dari ketiga-tiga bentuk hukuman ini. Kedua, permohonan keluar Islam boleh difailkan dalam bidang kuasa mal di Mahkamah Tinggi Syariah iaitu di bawah bidang kuasa pengesahan status agama orang yang masih hidup. Ketiga, peruntukan berkenaan proses perintah taubat (*istitabah*) melalui proses runding cara akidah bagi tujuan taubat di pusat pemulihan akidah (Pg. Ismail Pg. Musa & Siti Zubaidah Ismail, 2015).

Menurut undang-undang Islam di Malaysia, kesalahan murtad juga tidak diperuntukkan secara spesifik di dalam enakmen kesalahan jenayah syariah. Kebanyakan negeri memperuntukkan kesalahan percubaan untuk keluar agama Islam (Zaini Nasohah et al., 2010). Sebagai contoh, seksyen 66(1) Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 memperuntukkan bahawa apabila seseorang Islam dengan sengaja mengaku percubaan untuk keluar agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, maka mahkamah boleh memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam selama tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan, dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak. Sekiranya orang itu bertaubat dengan serta merta, maka mahkamah hendaklah mengesahkan taubatnya dan membebaskannya. Sebaliknya, jika orang itu bertaubat semasa dalam tahanan, mahkamah hendaklah mendapatkan laporan daripada Pegawai Penjaganya dan mengesahkan taubatnya setelah berpuas hati dengan laporan tersebut. Bagi mengendalikan kesalahan tersebut, negeri Sabah, Melaka dan Kelantan memperuntukkan orang yang disabitkan kesalahan percubaan keluar agama Islam diperintahkan supaya ditahan secara mandatori di Pusat Pemulihan Akidah bagi tujuan taubat. Tempoh pelaksanaan berbeza mengikut negeri. Bagi negeri Sabah berdasarkan seksyen 63, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995) dan Kelantan dalam seksyen 102, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994), seseorang Islam yang keluar Islam atau berhasrat

untuk keluar Islam boleh ditahan di Pusat Pemulihan Akidah untuk suatu jangka masa tidak lebih dari 36 bulan atau tiga tahun, manakala di Melaka diperuntukkan penahanan hanya selama enam bulan.

Kepelbagaian peruntukan di negeri-negeri memperlihatkan pendekatan yang berbeza dalam mengendalikan isu keluar agama Islam. Sebagai contoh di negeri Selangor, permohonan untuk keluar agama menghadapi kesukaran kerana tiada sebarang peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan keluar agama. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 hanya memperuntukkan salah satu daripada bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah ialah menentukan status agama seseorang. Menurut Nor Ashikin M. Nasir (2016), walaupun Mahkamah Tinggi Syariah Selangor diberi bidang kuasa untuk mengisytiharkan status agama seseorang Islam, namun tiada sebarang tatacara dan garis panduan tentang kaedah bagaimana pengisytiharan itu boleh dilakukan dan tidak dijelaskan di dalam mana-mana peruntukan, sehingga menyebabkan sesetengah kes permohonan keluar agama diselesaikan berdasarkan “budi bicara” dan kuasa am hakim. Oleh sebab itu, banyak kes permohonan keluar Islam yang masih tidak dapat diselesaikan disebabkan peruntukan yang tidak jelas berkaitan kaedah pengisytiharan status agama tersebut.

Sementara itu, kuasa yang diberi kepada Mahkamah Syariah di Malaysia sebenarnya bukanlah untuk menentukan kesalahan murtad dan menjatuhkan hukuman murtad. Ini kerana tidak terdapat peruntukan khusus mengenai kesalahan murtad yang dikuatkuasakan di Malaysia. Undang-undang sedia ada yang telah dilaksanakan bukanlah melibatkan kesalahan murtad tetapi berkenaan kesalahan keluar agama Islam dalam bentuk penghinaan agama Islam (Mahmood Zuhdi, 2001) ataupun pengendalian permohonan status agama atau kelaur Islam melalui bidang kuasa Mahkamah Syariah. Penggunaan istilah permohonan murtad juga tidak digunakan di dalam mana-mana enakmen negeri. Kebanyakan peruntukan dalam undang-undang menggunakan istilah permohonan pengisytiharan status agama atau penentuan status agama sama ada semasa hidup atau selepas kematian (Zulkefli Hasan & Norfadhilah Mohd Ali, 2007).

Penentuan status agama amat perlu sekiranya berlaku kekeliruan status seperti jika individu tersebut secara zahirnya bukan Islam dan tidak pernah mengamalkan ajaran Islam tetapi terdapat bukti dokumen menunjukkan Islam. Selain itu, jika pemeluk Islam yang tidak diiktiraf atau tidak didaftarkan atau terdapat kekeliruan mengenai status agama individu pada masa kematiannya. Begitu juga, sekiranya terdapat saudara baru yang berhasrat untuk kembali kepada agama asalnya. Oleh itu, individu tersebut mengemukakan permohonan bagi mendapatkan pengisytiharan mengenai status agamanya atau permohonan keluar Islam menurut bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Antara kes pengesahan status agama yang difailkan di Mahkamah Syariah ialah kes *Siti Fatimah Tan bt Abdullah lwn. Majlis Agama Islam Pulau Pinang* (2008) JH 27(2) 185, *Majlis Agama Islam Selangor lwn. Alamelu a/p Krishnan dan Jabatan Agama Islam Selangor* (2015), *Kamariah Ali & Yang Lain lwn. Kerajaan Negeri Kelantan & Satu Lagi* (2002) 3 MLJ 657 dan *Rashidah Moideen lwn. Mahkamah Tinggi Syariah Seremban* (2007). Begitu juga kes-kes yang melibatkan pengesahan status agama pada masa kematian iaitu kes kes *Mohamad b. Abdullah* [2005] JH 21 (2) 210, Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan telah mengisytiharkan si mati sebagai muslim manakala dalam kes *Nyonya Tahir* [2006] JH 21(2) 221, Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah mengisytiharkan si mati (Nyonya Tahir) bukanlah seorang muslim kerana tidak pernah mengamalkan ajaran Islam berdasarkan

peruntukan dalam seksyen 61 (3) (b) (xi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003.

Oleh itu, berdasarkan prosedur permohonan keluar agama Islam, Mahkamah Syariah tidaklah terus membenarkan permohonan tersebut, sebaliknya mahkamah akan mengeluarkan perintah supaya pemohon menjalani proses pemulihan akidah secara sukarela atau menahan pemohon di Pusat Pemulihan Akidah untuk tempoh tertentu bagi tujuan bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam. Ia selaras dengan kehendak hukum syarak dalam pengendalian kes-kes murtad. Orang yang murtad akan diberi peluang untuk bertaubat dalam tempoh yang tertentu sebelum dijatuhkan hukuman bunuh sekiranya mereka enggan bertaubat (Abdul Karim Zaidan, 1994).

Di Pulau Pinang, pemulihan akidah bagi kes-kes permohonan keluar Islam adalah satu prosedur yang terdapat dalam undang-undang Islam di negeri tersebut. Mana-mana individu yang membuat permohonan keluar Islam di Mahkamah Tinggi Syariah perlu menjalani proses pemulihan tersebut dengan perintah Mahkamah bagi tempoh yang tertentu sebelum Mahkamah Tinggi Syariah membuat keputusan sama ada individu itu kekal dalam Islam atau murtad.

### **3. Pengenalan Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang 2012**

Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang (Menangani Gejala Murtad) digubal pada tahun 2012 oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) mengikut kehendak peruntukan seksyen 61 (3)(b) (x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 dan keputusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang pada 30 Mei 2012 untuk membantu pihak berkuasa agama Islam negeri memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada individu yang berhasrat keluar daripada agama Islam, menukar status sebagai seorang muslim, atau dalam lain perkataan murtad di Pulau Pinang. Menurut seksyen 61 (3)(b)(x) memperuntukkan :

“Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam”

Manakala fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan pada 30 Mei 2012 menyatakan:

“Untuk mengisytiharkan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah terlebih dahulu memerintahkan orang itu menjalani program pemurnian akidah mengikut ketetapan yang akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.”

“Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menetapkan dan memerintahkan orang yang telah murtad tersebut supaya menjalani satu tempoh *istitabah* tidak kurang daripada 12 kali majlis.”

Menurut fatwa tersebut, sebelum mengisytiharkan seseorang itu bukan lagi orang Islam, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah terlebih dahulu memerintahkan orang itu menjalani program pemurnian akidah mengikut ketetapan oleh pihak berkuasa agama Islam negeri. Tempoh pemurnian akidah adalah selama 12 majlis atau sesi. Bagi maksud fatwa ini, majlis adalah merujuk kepada proses runding cara, sesi kaunseling, program motivasi, ziarah dan apa-

apa juga program lain yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk memulihkan akidah Islam. Selepas tempoh pemurnian akidah itu, mahkamah boleh mengeluarkan perintah sama ada orang itu kekal Islam atau sebaliknya.

Sehubungan itu, Modul Pemurnian Akidah adalah khusus untuk membantu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) memulihkan akidah individu yang ingin keluar daripada agama Islam atau murtad di Pulau Pinang sebelum prosiding seterusnya dilaksanakan di Mahkamah Tinggi Syariah mengikut undang-undang. Modul ini tidak melibatkan individu yang telah diisytiharkan murtad oleh Mahkamah Syariah. Objektif khusus penggubalan modul ini adalah untuk membantu pemudacara memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada individu yang berhasrat untuk menukar agama Islam atau yang telah menukar agama (murtad). Selain itu, modul ini juga bertujuan untuk mengembalikan semula individu tersebut kepada agama Islam dan membantu mengukuhkan semula akidah dan asas-asas agama Islam secara sistematik dan terancang (Modul Pemurnian Akidah. 2012).

Modul ini dihasilkan oleh pakar penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan wakil yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Menurut informan kajian:

“Yang ini lah, dia akan jadi yang ini. Pastu dia ada.. tidak tahu lah penasihat undang-undang kata selia. Tapi tidak tulis selia. Itu modul dia lah. Itu hasil kajian daripada panel dia lah dengan UKM. Modul-modul yang dia nak buat itu. Tapi modul pertama itu lebih kepada mengenali diri lah kebanyakan sesi dia, lebih kepada memujuk”. (Hakim Pulau Pinang, 24:31).

“*Ha* telah didokumenkan hasil daripada staf Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan penyelidik Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia. Dia ada dia punya *board* dia”. (Pegawai MAIK, 09:19)


Bagi mencapai objektif penggubalannya, Modul Pemurnian Akidah mengandungi 12 modul bagi 12 majlis atau sesi pemurnian akidah sepanjang tempoh pemurnian akidah. Modul-modul tersebut adalah 1) Salam Perkenalan (taaruf); 2) Persaudaraan dan kasih sayang; 3) Kenapa saya perlu kekal dalam Islam; 4) Saya dan keluarga; 5) Saya dan Masyarakat; 6) Nilai dan pegangan hidup; 7) Penjelasan dan kefahaman tentang kebebasan beragama; 8) Tasawur Islam; 9) Penjelasan tentang iman, akhlak dan ibadah; 10) Saya dan kewajipan memelihara iman dan syahadah; 11) memperbaharui dan memantapkan iman; 12) saya dan para Rasul.

Kandungan modul tersebut mencakupi semua aspek yang diperlukan bagi setiap individu muslim terutamanya mengenai akidah, ibadah, tasawur Islam dan hubungan sesama manusia. Walau bagaimanapun, kesemua 12 modul ini tidak semestinya dilaksanakan secara berturutan. Pelaksanaannya tertakluk kepada kesesuaian, tahap kefahaman dan situasi pemohon semasa proses pemurnian akidah. Modul ini hanya sebagai panduan kepada pemudacara dan tidak menghalang pemudacara menggunakan budi bicaranya untuk memberi bimbingan dan khidmat nasihat berdasarkan kaedah yang sesuai dengan pemohon (Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang. 2012).

#### **4. Kaedah Pengendalian Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang**

Pelaksanaan Modul Pemurnian Akidah adalah melibatkan pemohon yang telah memfailkan permohonan keluar Islam di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. Ia tidak melibatkan individu yang telah diisytiharkan murtad oleh Mahkamah Syariah. Sebaik menerima permohonan pemohon, Mahkamah akan menyerahkan salinan permohonan kepada JHEAIPP dan merekodkan permohonan tersebut. Proses pemulihan akidah akan bermula apabila pemohon keluar Islam diberikan Perintah Pemurnian Akidah oleh Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang. Pemohon perlu mengikuti Modul Pemurnian Akidah bagi tempoh yang telah ditetapkan dan satu laporan daripada pemudahcara akan diserahkan kepada JHEAIPP untuk dikemukakan kepada Mahkamah selepas sesi tersebut selesai. Mahkamah Tinggi Syariah akan membuat keputusan sama ada pemohon bertaubat dan kekal dalam Islam atau pemohon gagal bertaubat dan diisytiharkan murtad. Carta 1 menunjukkan proses permohonan keluar Islam di Pulau Pinang (Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang, 2012):

#### CARTA ALIR PERMOHONAN KELUAR ISLAM DI PULAU PINANG



Mahkamah Tinggi Syariah Membatalkan kes

Mahkamah Tinggi Syariah memerintahkan  
Pemohon menjalani Istitabah

Sumber: Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang 2012

#### 4.1 Tempat Pengendalian Modul

Modul dikendalikan di Pusat Dakwah Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) yang dikenali sebagai Darul Hidayah. Pusat ini mengendalikan pemurnian akidah melalui perintah mahkamah atau aduan daripada pihak-pihak tertentu seperti waris atau kenalan individu yang berhasrat keluar Islam: Menurut informan:

“Semalam kebetulan kes murtad ada depan saya. Melalui 5/6 kes terlalu banyak fail itu. Jadi saya menimbulkan persoalan di Penang ini dengan proses kaunseling yang dilakukan itu ianya hanya mewajibkan orang yang nak murtad ini hadir ke Pusat Dakwah (Darul Hidayah) tersebut”. (Hakim Pulau Pinang, 27:26).

“Baru kita jalankan sesi kaunseling kepada pemohon tu. Ada juga kes yang dia tak mohon *kat* mahkamah dan kita terima aduan, kita akan panggil juga dia untuk sesi kaunseling. Maknanya kaunseling ini bukan tunggu mahkamah baru kita kaunseling, tapi kalau ada aduan dari pihak-pihak tertentu, kita akan *follow up* dan kita kan panggil dia datang untuk buat sesi kaunseling”. (Pegawai MAIPP,15:20)

Pemurnian akidah ini tidak melibatkan penahanan atau penempatan khusus tetapi bersifat kehadiran secara berjadual mengikut tempoh yang ditetapkan:

“Macam ni *tak* ditahan, bagi hadir *gitu* lah. Macam kelas, pergi kelas”. (Hakim Pulau Pinang, 53:52)

“Kita turun ke rumah dia, pertama kita taaruf dengan dia dengar dia perkenalkan diri dan sebagainya boleh kita buat surat jemput dia datang ke sini untuk buat kaunseling. (Hakim Pulau Pinang,16:28)

“Kita belum. Belum menahan. Rasanya *tak tau* lah Pulau Pinang tak buat kot macam tu, sebab dia rasa lagi tertekan ustaz, *stress*. Tak tahu lah mungkin ambil kira faktor *tu lah*. (Pegawai MAIPP, 20:40)

#### 4.2 Tempoh Pengendalian Modul

Modul Pemurnian Akidah dijalankan selama 12 sesi bagi 12 modul tanpa ditentukan jumlah pertemuan setiap sesi. Ini menjadikan tempoh untuk satu sesi ke satu sesi yang lain mengambil masa sehingga sebulan bergantung kepada keadaan setiap kes. Kebiasaannya, tempoh masa pemulihan akidah bagi pemohon keluar agama bergantung kepada komitmen pelatih dan kesediaan pemudahcara atau panel perunding yang terlibat.

“Tempoh untuk kaunseling makan masa macam sebulan, kadang seminggu kadang tengok kes. Kadang kita suruh dia *tak* ada masa nak datang. Jadi kita *tak* boleh tentukan berapa jarak masa dia datang”. (Pegawai MAIPP,17:33)

“12 majlis, tempoh dia tak tetap. Tempoh *tak* ada had. *Tak* ada had tempoh”. (Pegawai MAIPP ,31:28).

“Proses Istitabah ini masih belum dijalankan di Pulau Pinang, itu yang jawapan pertama saya. Cuma kalau ke depan ini ada kita hendak laksanakan dia ke masa hadapan, kita ada 12 pertemuan, 12 majlis dia panggil. 12 majlis ni macam kaunseling lah, satu majlis ni mungkin ada banyak sesi kaunseling ha, dia tak terikat dengan 12 pertemuan. Mungkin lebih lagi. Tapi dia ada pulak 12, macam 12 sub modul lah, sub-modul. Setiap pemurnian akidah pun sama, Istitabah pun sama. Permurnian akidah 12 sub-modul kemudian *forward* proses Istitabah pun 12 sub-modul.” (Pegawai MAIPP, 07:41)

#### 4.3 Penggunaan Modul

Secara umumnya, modul yang digunakan merangkumi 12 modul sepanjang tempoh pemurnian akidah. Walau bagaimanapun, pemudahcara boleh menggunakan budi bicaranya dalam memberi kehidmat nasihat dan bimbingan mengikut kesesuaian dan latar belakang pemohon. Modul ini hanya sebagai panduan kepada pemudahcara. Kebiasaannya, proses pemurnian akidah bermula dengan sesi taaruf latar belakang dan sahsiah peribadi pemohon. Pemudahcara akan meneruskan sesi pemurnian akidah dengan modul yang berikutnya berkaitan iman, akidah, ibadat, tasawur Islam dan sehingga selesai sesi. Pendekatan yang digunakan adalah lebih bersifat kaunseling dan memujuk pemohon untuk kekal dalam Islam. Menurut informan kajian:

“sebab itu kita perlu masa tu ustaz. Kita perlu macam *nak* buat dia jadi kawan. Tapi bukan senang dia *nak* terima kita”. (Pegawai MAIPP, 19:33)

“Kita *nak* jadikan dia sebagai kawan, sahabat”. (Pegawai MAIPP, 19:57)

Pengendalian modul tidak semestinya berterusan atau mengikut turutan nombor modul. Ia tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan situasi pemohon berkenaan. Sebagai contoh, modul 7 (kebebasan beragama) boleh dijadikan sebagai modul pertama sekiranya pemohon ingin berbincang mengenai kebebasan beragama semasa pertemuan pertama (Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang. 2012). Sebab itu, proses awal iaitu taaruf sangat penting bagi pemudahcara memahami latar belakang pemohon supaya dapat disesuaikan dengan pengisian modul yang lebih berkesan untuk setiap pemohon.

#### 4.4 Pemudahcara atau Fasilitator Modul

Modul ini dijalankan dengan kerjasama daripada fasilitator yang dilantik oleh MAIPP. Terdapat juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang membantu usaha pemurnian akidah ini. Kebiasaannya pemilihan fasilitator dalam kalangan latar belakang kaum atau agama asal yang sama dengan pemohon. Selain itu, pemilihan fasilitator juga melibatkan penggunaan bahasa yang sama dengan pemohon atau yang mudah difahami oleh pemohon:

“Fasi ini adalah yang dilantik oleh Majlis Agama Islam” (Pegawai MAIPP,25:44)

“kelayakan dia, dia adalah sijil mengaji dia. Paling tidak pun SPM tapi yang penting kami ambil pengalaman dan dia ini adalah pendakwah. Antaranya yang boleh kami sebut, pensyarah UiTM, 2 orang yang Doktor. Dua orang kami ambil jugak sebab kami nampak potensi tu. Bila kami buat program, kami panggil dia datang, dia *attend*. Dia bengkel ToT,



apa orang panggil *Training of Trainers* tu. Kursus untuk fasi yang melaksanakan modul pemurnian akidah”. (Pegawai MAIPP, 25:50)

“Pensyarah UITM dua orang, pastu daripada NGO ada, daripada pendakwah bebas, Ustaz Shashamuga, sebab dia mualaf dan dia memang tahu selok belok dan latar belakang agama, sebab dia masuk banyak agama sebelum agama Islam. Ustaz Sha tu”. (Pegawai MAIPP, 26:28)

“NGO ramai, ABIM, IPSI, kami di Hidayah Centre, macam-macam kami MACMA, cumanya bergantung pada kes. Kalau *mad'u* itu adalah cina, kami akan panggil Hidayah Centre sebab Hidayah Centre ini muslim, MACMA, Malaysia Associates Chinese Muslim, benda-benda macam itu kami panggil cina. Kalau kata India kami panggil IPSI sebab Brother Kamaruddin dulu dia keturunan India, yang masuk Islam itu. Jadi kami panggil dia”. (Pegawai MAIPP, 38:57)

## 6. Keberkesanan Modul Pemurnian Akidah

Proses pemurnian akidah di Pulau Pinang bagi kes-kes permohonan keluar Islam dilihat sebagai satu usaha untuk menangani masalah dan kecelaruan akidah dalam kalangan umat Islam. Ia adalah sebagai usaha berterusan Pihak Berkuasa Agama Negeri untuk memberi kefahaman mengenai ajaran Islam yang sebenar khususnya kepada saudara baru yang terlibat dengan permohonan keluar Islam. Hasil temubual yang dijalankan menunjukkan para pemohon memberi kerjasama yang baik sepanjang sesi pemurnian akidah dan tidak menunjukkan respon yang sangat negatif. Cuma ia memerlukan masa dan ruang yang bersesuaian untuk mengembalikan mereka kepada ajaran Islam. Menurut informan kajian:

“Dalam pengalaman kami, mereka ini kebanyakkan *educated*, kerja pun besar. Jadinya bila *dah* datang sini kadang-kadang boleh terima apa yang cakap pasal Islam. Cuma dia belum terbuka untuk ikut sampai mana. Kadang ada faktor memang dia dibesarkan kelaurga mualaf kan, mak dia Cina masuk Islam, lahir mereka kahwin dengan Melayu, dibesarkan nenek. Dan nenek ini bukan Islam, jadi suasana itu yang mempengaruhi. Jadi kadang-kadang susah juga kita kan...”. (Pegawai MAIPP, 18:23).

“Sebagai pengalaman kaunseling, tak adalah yang kata mualaf tu yang kata dia hentam Islam. Tiada. Katanya dia boleh terima. Dia boleh terima dengan hati yang terbuka. Cuma ada yang disebabkan keluarga dia yang memaksa dia, daripada kawan dan persekitaran dia, sebab itu kita ajar dulu agama”. (Pegawai MAIPP, 19:09)

Oleh itu, keberkesanan proses pemurnian akidah ini dapat diukur melalui kepatuhan pemohon dan pelatih dalam menghadiri proses sesi yang dijalankan, respon semasa sesi, kesesuaian tempoh dan modul serta potensi kes-kes berulang. pengukuran kejayaan amalan *Istitabah* amat berkait rapat dengan hidayah Allah SWT dan sukar untuk diukur secara tepat. Kebiasaannya, keberkesanan *istitabah* akan dapat dilihat apabila pelatih menzahirkan tanda-tanda menyesal. Selain itu, berlaku perubahan sikap dan ketaatan dalam melakukan ibadah serta hubungan baik dengan keluarga. Hakikatnya pengukuran kejayaan amalan *Istitabah* amat berkait rapat dengan hidayah Allah SWT dan sukar untuk diukur secara tepat.

Sehingga kini, belum ada kes pemurnian akidah menggunakan Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang 2012 yang diisytiharkan murtad. Ini bermakna kes-kes pemurnian akidah

berjaya mengubah hasrat mereka untuk keluar Islam atau proses pemurnian akidah masih lagi diteruskan kepada mereka. Menurut informan:

“Ini macam kita tengok ada harapan *lah*, untuk dia dikaunselingkan lagi, kita nak *charge* kata dia keluar tu bergantung pada hidayah Allah la, kita kerja untuk kaunseling dia, dakwah dia tapi dia nak balik kepada agama dia tau tidak, itu kita serah kepada hidayah Allah. Kita hanya jalankan tugas kita untuk kaunselingkan dia”. (Pegawai MAIPP,17:52)

“Setakat ini tiada lagi isytihar dia murtad, masih berjalan sahaja”. (Pegawai MAIPP, 18:17)

Selain itu, bagi menjamin keberkesanan proses pemurnian akidah yang dijalankan di Darul Hidayah, beberapa bentuk tindakan susulan yang berupa program lanjutan secara berkala turut diadakan melibatkan Pihak Berkuasa Agama Negeri seperti JHEAIPP dan MAIPP. Antara program tersebut adalah seperti kursus kefahaman Islam dan kursus fardu ain. Selain itu, program ziarah ke rumah turut dilakukan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO). Ini bagi memastikan pemohon membatalkan hasrat untuk keluar daripada Islam.

“Setiap sesi kaunseling, kita memang ada bagi kaunseling pada orang tak murtad lagi dah. Apabila dah selesai kaunseling, kita akan *follow up* dan kita akan panggil untuk datang, hadiri kursus lanjutan, macam kita ada program, kursus kefahaman Islam dan sebagainya lah. Di situ, kita akan adakan apa, di situ lah antara-antaranya cara kita nak menyekat dia untuk nak terus hasrat kepada murtad lah. Selalunya benda ni berjaya sebab kita kaunseling 3-4 orang, kemudian kita akan adakan program dan kita akan jemput mereka hadir”. (Pegawai MAIPP,34:58)

“Kursus berkala macam kursus kefahaman Islam, kursus apa, kursus bimbingan fardu ain untuk nak pulihkan kefahaman agama diorang tu akan datanglah. Kemudian kita ada NGO yang melawat ziarah dari masa ke semasa, untuk tengok sejauh mana perkembangan kehidupan diorang daripada dulu dan sekarang. Jadinya daripada situ kita nampak. Di antara cara-cara kita menyekat supaya dia tak terfikir nak ke murtad, sebab dia *dah* kawan *dah*, daripada awal sebab dia tak ada kawan, saudara baru muallaf ni tak ada kawan. Dia berkawan dengan persekitaran orang bukan Islam dengan keluarga dan sebagainya. Bila kita jumpa, diorang datang untuk menghadiri majlis kita dan kita *follow up* dengan kawan-kawan muallaf yang mempunyai pendidikan agama yang tu, dari situ dia rasa berkawan, ada kawan dan dia boleh berinteraksi masalah dan berkongsi masalah”. (Pegawai MAIP, 35:35)

Pengukuran keberkesanan proses pemurnian akidah amat bergantung kepada penyusunan modul dan penilaian aspek-aspek penting yang menggambarkan tahap akidah seperti mengucap kalimah syahadah, amalan ibadah dan akhlak. Modul Pemurnian Akidah Pulau Pinang 2012 ini dikira telah mencakupi semua aspek keperluan tersebut dan mencapai matlamatnya. Ini dibuktikan melalui ketiadaan perisytiharan murtad oleh mahkamah dalam kes-kes yang dirujuk di Darul Hidayah. Menurut informan:

“Tapi nampak ada keberkesanan lah, lepas ada modul ini dari segi mengawal daripada murtad itu. Makna dalam proses istitabah membantu pesalah akidah dan murtad kepada Islam. Makna kita sebut kepada ini lah. Modul kaunseling yang itu lah berkesan. Maknanya tak sampai istitabah yang ini pun *dah ok dah* kan”. (Pegawai MAIPP, (53:14).

## 6. Rumusan

Permohonan keluar Islam sama ada oleh individu yang asalnya beragama Islam atau oleh saudara baru adalah satu tindakan yang serius dan tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak. Mereka perlu menjalani proses pemulihan akidah bagi menjaga kesucian agama Islam dan mengelakkan mereka menjadi murtad. Oleh itu, hasil kajian yang dijalankan menunjukkan Negeri Pulau Pinang seperti negeri-negeri lain di Malaysia mengambil perhatian yang serius terhadap proses pemurnian akidah bagi kes-kes permohonan keluar Islam bertujuan menjamin kesucian agama Islam dan dapat membantu pemohon untuk kembali semula kepada ajaran Islam. Malahan Pihak Berkuasa Agama di Pulau Pinang telah menyediakan dua Modul yang berfungsi dalam kes-kes berhubung murtad iaitu Modul Pemurnian Akidah dan Modul *Istitabah*. Pewartaan fatwa berhubung proses pemulihan akidah tersebut di dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadi asas yang kuat untuk melaksanakan kedua-dua proses pemulihan akidah tersebut berdasarkan undang-undang.

Proses pemulihan Akidah di Pulau Pinang mengguna pakai Modul Pemurnian Akidah (Menangani Gejala Murtad) dalam mengendalikan kes-kes individu yang berhasrat keluar Islam sama ada dengan perintah mahkamah atau secara sukarela melalui cadangan oleh pihak ketiga. Walaupun terdapat beberapa kekangan semasa pengendalian Modul ini seperti isu penempatan semasa sesi pemurnian akidah, kepakaran fasilitator atau pemudahcara dan komitmen pemohon, Modul Pemurnian Akidah ini telah membuktikan peranan yang serius oleh Pihak Berkuasa Agama Islam di Pulau Pinang untuk mengawal masalah murtad dalam kalangan umat Islam di negeri tersebut. Pada masa yang sama, bagi memperkasakan usaha-usaha kawalan murtad di negeri tersebut, MAIPP turut menggubal Modul *Istitabah* yang akan digunakan kepada mereka yang telah diisytiharkan murtad bagi tujuan bertaubat. Walau bagaimanapun, Modul *Istitabah* ini belum digunakan berikutan tiada lagi kes yang diisytiharkan murtad. Sewajarnya negeri-negeri lain di Malaysia mengambil contoh kedua-dua modul ini untuk dilaksanakan di negeri masing-masing bagi mengawal gejala murtad berleluasa dalam kalangan umat Islam.

## 7. Penghargaan

Kajian ini dijalankan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Kuis (GPIK) 2016 dengan usahasama Kolej Islam Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan dengan no kod penyelidikan KUIS/PB/2016/GPIK 2/GPM/U02. Penghargaan juga ditujukan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang dan Pusat Dawah Darul Hidayah, Majlis Agama Islam Pulau Pinang atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian dijalankan.

## 8. Rujukan

Abdul Karim Zaidan. 1994. *al-Mufasssol fi ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut : al-Muassasah al-Risalah. Hlm. 315

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995

Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991

- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2001. Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Modul Pemurnian Akidah (Menangani Gejala Murtad) Pulau Pinang 2012
- Mohamed Azam Mohamed Adil. *Hak Kebebasan Beragama Dari Perspektif Islam dan Perlembagaan Persekutuan, :Satu Perbahasan*. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor . Hlm.17.
- Mohd Azam Mohamed Adil. Bahaya Mainkan Isu Murtad di Malaysia. *Utusan Malaysia*. 9 November 2006. 63
- Nor Ashikin Md. Nasir dan Siti Zubaidah Ismail. 2016. Keluar Agama Islam di Malaysia: Permasalahan dari Sudut Undang-undang. *Jurnal Penyelidikan Undang-undang Syariah*. Vol 1(1): 141-154.
- Pg Ismail Pg Musa dan Siti Zubaidah Ismail, Permohonan Keluar Islam Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Sabah, *Jurnal Syariah*, Jil 23, Bil 1 (2015) 53-78
- Temubual bersama Ustazah Azmah bt. Abdullah, Penolong Pengarah, Unit Dakwah Majlis Agama Islam Pulau Pinang di Kompleks Darul Hidayah, Pulau Pinang pada 11 Januari 2018 jam 11 pagi
- Temubual bersama YAA YAA Dato' Mohammad Shakir bin Abdul Hamid, Ketua Hakim Syarie, Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang pada 11 Januari 2018 jam 2.30 petang
- Warta Kerajaan Pulau Pinang 2012. Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bertarikh 30 Mei 2012
- Zaini Nasohah et al. 2010. *Penguatkuasaan Kes Jenayah Syariah di Malaysia*. Bangi: UKM.
- Zulkifli Hasan dan Norfahdhilah Mohd Ali. 2007. *Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia*. Kertas Kerja dibentang pada Diskusi Syariah dan Undang-undang. USIM. 17 Januari